



ZALIHA ketika melawat Bazar Ramadan tahun lalu.

Serah operasi Bazar Ramadan kepada DBKL

BANYAK CARA BOLEH KERJASAMA

AZLAN ZAMBRY

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** tidak menolak kemungkinan untuk bekerjasama pada masa hadapan dengan persatuan penaja dan peniaga kecil di Kuala Lumpur yang mengkritik keputusan beliau menyerahkan urusan dan operasi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bermula Mac ini.

Katanya, sebagai menteri yang diamanahkan untuk menjaga hal ehwal Wilayah Persekutuan, pandangan mereka turut diperlukan bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan bandar raya Kuala Lumpur.

"Jika persatuan-persatuan sedia ada hendak bekerjasama, mengapa tidak, kita hanya perlu duduk bersama dan berbincang, banyak cara yang boleh bekerjasama."

"Bazar Ramadan ini, ia bukan sekadar berniaga, ia berkait dengan

kebersihan, keselamatan, tarikan pelancong dan ia banyak lagi peluang.

"Jangan berfikir terlalu sempit sehingga menyebabkan ia berkisar kepada tapak dan lesen semata-mata," katanya kepada Wilayahku dalam wawancara khas sempena Hari Wilayah Persekutuan 2025 di pejabatnya baru-baru ini.

Beliau turut menegur kumpulan berkenaan yang memberi gelaran yang tidak wajar kepadanya termasuk tohmahan yang tidak berasas disebabkan tindakan yang diambil untuk menangani isu berkenaan.

"Jika mereka sebut perkara yang tidak baik kepada pimpinan dan sekarang ini kerajaan, dan saya tidak ada masalah. Bagi saya sepatutnya mereka datang jumpa dan berbincang, tiada masalah kerana saya terbuka untuk sebarang perbincangan dan juga menerima aduan daripada rakyat."

"Bila ada aduan, kita mestilah

mendengar dan menyelesaikan masalah. Jadi rakyat kata, ini adalah keadaannya dan kadang kala kami bayar puluhan ribu, tetapi tak dapat tapak. Malah ada yang bayar pada persatuan yang kedua contohnya, mereka diberikan harga yang mahal bagi satu tapak. Namun sama ada betul atau tidak, itu saya tidak pasti kerana inilah aduan daripada rakyat dan kita perlu selesaikan," katanya.

Justeru itu, Zaliha memberitahu kesemua pihak perlu duduk berbincang untuk mendapatkan penyelesaian.

"Sebab itu saya katakan yang penyelesaiannya begitu. Mereka tidak berjumpa dan bercakap terus dengan saya."

"Tetapi bagi saya jika itulah sumber pendapatannya, sebenarnya ada banyak cara untuk kita bekerjasama kerana mereka juga sebahagian daripada komuniti dan kita perlu hidup sebagai satu masyarakat yang harmoni, bukannya individual sahaja," katanya. 